



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : PKPMP.PKP.600-2/3/1

Tarikh : 29 Disember 2025

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia

Presiden *Sabah Law Society*

Presiden *Advocates Association of Sarawak*

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Seluruh Malaysia

Tuan / Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 5 TAHUN 2025
GARIS PANDUAN BERHUBUNG DENGAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

Setelah merujuk kepada YAA Ketua Hakim Negara, YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Pekeliling ini dibuat untuk memberi panduan mengenai tatacara pelantikan, tanggungjawab dan yuran perkhidmatan Peguam Lantikan Mahkamah ("Peguam Lantikan Mahkamah") bagi kes yang sekiranya Orang Kena Tuduh ("OKT") disabitkan dengan pertuduhan, OKT boleh dihukum dengan hukuman mati.

TUJUAN

2. Pekeliling ini menyediakan garis panduan berhubung dengan Peguam Lantikan Mahkamah di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi di seluruh Malaysia.

TAFSIRAN

3. Dalam Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Peguam” merujuk kepada mana-mana peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya atau Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam di bawah—

- (a) Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];
- (b) *Sabah Advocates Ordinance (Sabah Cap. 2)*; dan
- (c) *Sarawak Advocates Ordinance (Sarawak Cap. 110)*,

mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Peguam Lantikan Mahkamah” ertinya mana-mana Peguam yang dilantik oleh Mahkamah untuk mewakili OKT yang tidak diwakili oleh mana-mana Peguam dalam kes yang sekiranya OKT disabitkan dengan pertuduhan, OKT boleh dihukum dengan hukuman mati;

“Pendaftar” adalah seperti yang ditakrifkan di bawah seksyen 3 dan 10 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*];

“Senarai Daftar Peguam Lantikan Mahkamah” ertinya senarai induk Peguam Lantikan Mahkamah yang disediakan oleh Majlis Peguam, *Sabah Law Society*, dan *Advocates Association of Sarawak* yang diselenggarakan oleh Mahkamah.

GARIS PANDUAN BERHUBUNG DENGAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

A. KELAYAKAN SEBAGAI PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

4. Mana-mana Peguam yang memenuhi syarat kelayakan yang berikut boleh mendaftar sebagai Peguam Lantikan Mahkamah:

- (a) mempunyai sijil amalan yang sah pada tahun semasa perkhidmatannya;
- (b) secara aktif, bagi tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun, telah—
 - (i) beramal sebagai peguambela dan peguamcara; dan
 - (ii) mengendalikan kes jenayah; dan

- (c) dalam mana-mana tempoh yang dinyatakan dalam subperenggan 4(b)(i) dan (ii) di atas, telah mengendalikan sekurang-kurangnya lima (5) kes melibatkan hukuman mati—

- (i) secara sendiri; atau

- (ii) menjadi peguam pembantu kepada peguam yang lain.

5. Mana-mana Peguam Lantikan Mahkamah yang ingin mengendalikan rayuan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan hendaklah memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- (a) telah didaftarkan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun;

- (b) telah mengendalikan sekurang-kurangnya tiga (3) kes rayuan jenayah di peringkat Mahkamah Tinggi; dan

- (c) telah mengendalikan sekurang-kurangnya dua (2) kes rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan dan / atau Mahkamah Persekutuan:—

- (i) secara sendiri; atau

- (ii) secara peguam pembantu kepada Peguam yang lain.

6. Syarat-syarat di perenggan 5 tidak terpakai bagi mana-mana Peguam Lantikan Mahkamah di Sabah dan Sarawak.

7. Walau apa pun peruntukan di perenggan 4 dan 5, pengalaman terdahulu peguambela dan peguamcara sebagai hakim atau Timbalan Pendakwa Raya atau sebagai Pegawai Kehakiman dan Perundangan boleh diterima sebagai syarat kelayakan.

B. PENDAFTARAN SEBAGAI PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

8. Pendaftaran sebagai Peguam Lantikan Mahkamah sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4 dan 5 hendaklah dibuat kepada—

- (a) Majlis Peguam;

- (b) *Sabah Law Society*; atau

- (c) *Advocates Association of Sarawak*;

mengikut mana-mana yang berkenaan.

9. Bagi mendaftar sebagai Peguam Lantikan Mahkamah, mana-mana Peguam yang memenuhi syarat kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 4 atau 5 di atas, hendaklah—

- (a) melengkapkan Borang Pendaftaran Sebagai Peguam Lantikan Mahkamah ("Borang Pendaftaran") yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia yang diakses melalui <https://www.kehakiman.gov.my/ms>; dan
- (b) mengemukakan Borang Pendaftaran yang telah lengkap kepada Majlis Peguam, *Sabah Law Society* atau *Advocates Association of Sarawak*, mengikut mana-mana yang berkenaan.

10. Majlis Peguam, *Sabah Law Society* atau *Advocates Association of Sarawak* boleh membuat semakan kepada maklumat yang diberikan dalam Borang Pendaftaran dan juga latar belakang professional Peguam dan jika maklumat yang diberikan didapati tidak benar atau terdapat aduan terhadap Peguam tersebut tentang tingkah lakunya sebagai Peguam, permohonan tersebut boleh ditolak.

C. TATACARA PELANTIKAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

11. Pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah boleh dibuat oleh Mahkamah pada mana-mana peringkat prosiding.

12. Bagi memastikan kelancaran prosiding, pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah akan dibuat pada peringkat awal prosiding seperti yang berikut:

Prosiding	Peringkat Pelantikan
Perbicaraan Jenayah	peringkat pengurusan kes dan sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan
Rayuan Jenayah	peringkat pengurusan kes kali pertama

13. Pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah bagi OKT dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah Tinggi adalah daripada kalangan Peguam yang berdaftar sebagai Peguam Lantikan Mahkamah di negeri OKT dibicarakan.

14. Walau bagaimanapun, Mahkamah mempunyai budi bicara untuk melantik Peguam Lantikan Mahkamah yang berdaftar di negeri lain jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian dengan mengambil kira faktor-faktor yang berikut:

- (a) jarak dan lokasi antara dua negeri. Sebagai contoh, negeri yang berjiran antara satu sama lain seperti Melaka dengan Johor dan Perlis dengan Kedah;
- (b) negeri yang bilangan Peguam Lantikan Mahkamah adalah terhad; dan
- (c) jarak perjalanan berdasarkan alamat Peguam Lantikan Mahkamah ke Mahkamah serta kos-kos lain yang terlibat.

15. Walau apa pun peruntukan di perenggan 5, bagi kes-kes yang dirayu ke Mahkamah Rayuan, sekiranya OKT dan Peguam Lantikan Mahkamah yang mengendalikan kes OKT di Mahkamah Tinggi bersetuju untuk Peguam Lantikan Mahkamah tersebut mewakili OKT dalam prosiding rayuan, Peguam Lantikan Mahkamah tersebut boleh dilantik semula untuk mewakili OKT di Mahkamah Rayuan.

16. Walau apa pun peruntukan di perenggan 5, bagi kes-kes yang dirayu ke Mahkamah Persekutuan, sekiranya OKT dan Peguam Lantikan Mahkamah yang mengendalikan rayuan OKT di Mahkamah Rayuan bersetuju untuk Peguam Lantikan Mahkamah tersebut mewakili OKT dalam prosiding rayuan di Mahkamah Persekutuan, Peguam Lantikan Mahkamah tersebut boleh dilantik semula untuk mewakili OKT di Mahkamah Persekutuan.

17. Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar berhubung dengan persetujuan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 14 dan 15 di atas.

18. Bagi kes-kes rayuan jenayah yang bermula dari Sabah dan Sarawak, pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah di peringkat Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan adalah tertakluk kepada *Sabah Advocates Ordinance* (*Sabah Cap. 2*) dan *Sarawak Advocates Ordinance* (*Sarawak Cap. 110*).

19. Tatacara Pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah adalah seperti yang berikut:

- (a) pemilihan Peguam Lantikan Mahkamah adalah dibuat mengikut turutan berdasarkan Senarai Daftar Peguam Lantikan Mahkamah ("Senarai Daftar").
- (b) Peguam yang menolak atau pelantikannya telah dibatalkan akan berada dalam turutan terakhir dalam Senarai Daftar;
- (c) surat Pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah ("Surat Pelantikan") akan dikeluarkan oleh Mahkamah;
- (d) Peguam yang menerima Surat pelantikan hendaklah dalam tempoh (3) hari dari tarikh penerimaan Surat Pelantikan memaklumkan persetujuan atau penolakannya untuk mewakili OKT;
- (e) sekiranya Peguam tidak memberikan sebarang maklum balas dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh pengeluaran Surat Pelantikan tersebut, maka Peguam Lantikan Mahkamah yang lain akan dilantik;
- (f) Peguam berdaftar sebagai Peguam Lantikan Mahkamah dalam senarai berikutnya akan dilantik untuk mewakili OKT. Bagi maksud tersebut, proses sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan ini akan diulangi.

D. TANGGUNGJAWAB PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

20. Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah—

- (a) memberikan kualiti perkhidmatan kepeguaman yang terbaik pada semua peringkat prosiding bagi memastikan hak OKT sentiasa terpelihara dan OKT mendapat perbicaraan yang adil (*fair trial*);
- (b) tidak menarik diri daripada mewakili OKT kecuali dengan kebenaran Mahkamah dengan mengemukakan permohonan di Mahkamah terbuka;
- (c) menjalankan sesi temuramah dengan OKT dan mendapatkan arahan lengkap termasuk mengemukakan permohonan representasi, jika perlu kepada Pendakwa Raya sebelum bermulanya perbicaraan ataupun pendengaran rayuan;
- (d) tidak menyerahkan pengendalian kes kepada Peguam lain setelah dilantik; dan
- (e) mengendalikan sekurang-kurangnya satu (1) kes bagi setiap tahun seperti yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.

21. Sekiranya OKT telah dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan oleh Mahkamah Tinggi tetapi Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan memerintahkan pembelaan dipanggil, maka Peguam Lantikan Mahkamah di Mahkamah Tinggi hendaklah menerima pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah oleh Mahkamah untuk meneruskan pembelaan kecuali—

- (a) OKT melantik peguam sendiri; atau
- (b) Peguam Lantikan Mahkamah tersebut tidak lagi disenaraikan dalam Senarai Daftar.

22. Bagi kes OKT yang ditawarkan pertuduhan yang dikurangkan (*reduced charge*)—

- (a) jika OKT memilih untuk mengaku salah, Peguam Lantikan Mahkamah boleh terus mewakili OKT bagi tujuan mitigasi; atau
- (b) jika OKT memilih untuk dibicarakan, pelantikan Peguam Lantikan Mahkamah adalah terhenti.

E. GARIS PANDUAN BERHUBUNG DENGAN KOS DAN YURAN PERKHIDMATAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

23. Kadar bayaran yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan boleh dituntut oleh Peguam Lantikan Mahkamah setelah prosiding selesai adalah seperti yang berikut:

BIL.	BUTIRAN	KADAR		
		MAHKAMAH TINGGI	MAHKAMAH RAYUAN	MAHKAMAH PERSEKUTUAN
(a)	Termasuk bayaran untuk <i>getting up</i> menemuramah OKT, hadir sebutan dan hadir perbicaraan pada hari pertama	RM9,000.00	RM6,000.00	RM7,000.00
(b)	Hadir perbicaraan pada hari-hari berikutnya	RM50.00 sejam dan sebahagian daripadanya	RM50.00 sejam dan sebahagian daripadanya	RM50.00 sejam dan sebahagian daripadanya
(c)	Tuntutan perjalanan menggunakan kenderaan sendiri	RM0.70 sekilometer	RM0.70 sekilometer	RM0.70 sekilometer
(d)	Bayaran atas kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari untuk menghadiri perbicaraan termasuk Hari Kelepasan Am	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya	RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya
(e)	Bayaran tambang perkhidmatan pengangkutan awam	Kos Sebenar	Kos Sebenar	Kos Sebenar
(f)	Bayaran tambang kapal terbang	Kelas Ekonomi	Kelas Ekonomi	Kelas Ekonomi
(g)	Bayaran sewa hotel	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari	Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari

(h)	Caj, fotokopi, telefon, faks, pos atau kurier (jika ada)	RM100.00	RM100.00	RM100.00
(i)	Bayaran balik perbelanjaan (<i>disbursements</i>)	Kos Sebenar	Kos Sebenar	Kos Sebenar

E. GARIS PANDUAN BERHUBUNG DENGAN KOS DAN YURAN PERKHIDMATAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

23. Kadar bayaran yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan boleh dituntut oleh Peguam Lantikan Mahkamah setelah prosiding selesai adalah seperti yang berikut:

24. Kadar *getting up* yang boleh dituntut adalah seperti yang berikut:

(a) Mahkamah Tinggi

- (i) bayaran penuh berjumlah RM9,000.00 hanya dibayar dalam keadaan Peguam Lantikan Mahkamah itu mengendalikan kes—
 - (A) sehingga akhir kes pendakwaan apabila OKT dilepaskan dan dibebaskan;
 - (B) sehingga akhir kes pembelaan apabila OKT disabitkan atau dilepaskan dan dibebaskan;
 - (C) bagi kes OKT mengaku salah terhadap pertuduhan yang telah dikurangkan (*reduced charge*);
- (ii) tuntutan *getting up* secara berperingkat selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 24(a)(i)(A), (B) dan (C) adalah sebagaimana jadual di bawah;

Peringkat Pengurusan Kes	RM1000.00 dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah yang terlibat pada peringkat pengurusan kes sahaja.
Peringkat Akhir Kes Pendakwaan	RM4500.00 dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah baharu (yang menggantikan Peguam Lantikan Mahkamah di peringkat pengurusan kes) yang terlibat sehingga peringkat akhir kes pendakwaan.

	(Nota: Penglibatan Peguam Lantikan Mahkamah baharu tersebut hanya dikira jika saksi pertama telah pun memberi keterangannya. Jika saksi pertama belum lagi memberi keterangan, maka Peguam Lantikan Mahkamah baharu itu hanya dibayar mengikut kadar peringkat pengurusan kes).
Peringkat Akhir Kes Pembelaan	RM3000.00 dibayar kepada Peguam Lantikan Mahkamah baharu yang hanya terlibat pada peringkat akhir kes pembelaan sahaja. (Nota: Jika terdapat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah melepaskan dan membebaskan OKT pada peringkat kes pendakwaan, dan Mahkamah Rayuan telah memerintahkan OKT untuk membela diri, bayaran <i>getting up</i> kepada Peguam Lantikan Mahkamah adalah sebagaimana pada peringkat akhir kes pembelaan).

- (iii) tuntutan *getting up* tersebut adalah termasuk pada perenggan 23(a) hingga (g), dan (i) bermula hari pertama pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah sehingga ke hari pertama perbicaraan; dan
 - (iv) jika berlaku pertukaran Peguam Lantikan Mahkamah pada mana-mana peringkat di Mahkamah Tinggi, maka kedua-dua Peguam Lantikan Mahkamah boleh menuntut bayaran penuh bagi peringkat tersebut seperti di perenggan 24(a)(ii).
- (b) Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan
- (i) bayaran pada perenggan 23(c) hingga (g) dan (i) boleh dituntut sehari sebelum tarikh prosiding rayuan dan pada hari-hari yang berikutnya tanpa mengira jumlah hari prosiding;

bayaran pada perenggan 23(c) hingga (g) dan (i) boleh dituntut oleh Peguam Lantikan Mahkamah yang telah dipanggil bertugas di luar tempat dia menjalankan amalnya;
 - (ii) bayaran pada perenggan 23(c) dan (d) boleh dituntut oleh Peguam Lantikan Mahkamah yang telah dipanggil bertugas dari negeri yang sama;

- (iii) jumlah bayaran *getting up penuh* boleh dituntut dalam keadaan yang berikut:
 - (A) Peguam Lantikan Mahkamah mengendalikan prosiding rayuan sehingga selesai;
 - (B) Peguam Lantikan Mahkamah diarahkan untuk menarik diri pada mana-mana peringkat rayuan di Mahkamah terbuka setelah Petisyen Rayuan difailkan dan diserahkan kerana OKT ingin melantik peguamnya sendiri dengan syarat Peguam Lantikan Mahkamah tersebut menerima semula pelantikannya sebagai Peguam Lantikan Mahkamah bagi tujuan menyelesaikan kes tersebut sekiranya OKT masih belum / tidak melantik peguam atau peguam yang dilantik oleh OKT kemudiannya menarik diri; atau
 - (C) pada mana-mana peringkat rayuan setelah petisyen rayuan difailkan dan diserahkan, berlaku pertukaran Peguam Lantikan Mahkamah maka Peguam Lantikan Mahkamah yang baharu akan menerima bayaran penuh bagi peringkat tersebut dengan syarat mana-mana pertukaran peguam dibenarkan di Mahkamah terbuka.
- (iv) jumlah bayaran *getting up separuh* boleh dituntut apabila petisyen rayuan telah difailkan dan diserahkan sekiranya Peguam Lantikan Mahkamah—
 - (A) diarahkan untuk menarik diri kerana OKT memohon kepada Mahkamah untuk melantik Peguam Lantikan Mahkamah lain; atau
 - (B) memohon untuk menarik diri di Mahkamah terbuka atas alasan yang munasabah dan dibenarkan oleh Mahkamah;
- (v) tiada bayaran *getting up* boleh dituntut dalam keadaan Peguam Lantikan Mahkamah—
 - (A) memohon untuk menarik diri dengan hanya menulis surat; atau
 - (B) diarahkan untuk menarik diri oleh Mahkamah.

F. TATACARA BERHUBUNG DENGAN PEMBAYARAN YURAN PERKHIDMATAN PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

25. Bagi tujuan mengemukakan tuntutan bagi yuran perkhidmatannya, Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah:

- (a) melengkapkan Borang Tuntutan yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia yang diakses melalui <https://www.kehakiman.gov.my/ms> berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berikut:
- (i) surat iringan (*cover letter*);
 - (ii) senarai semak kepada borang tuntutan pembayaran yuran perkhidmatan;
 - (iii) borang tuntutan pembayaran yuran perkhidmatan yang lengkap dengan butir-butir tuntutan seperti jumlah hari perbicaraan, perbelanjaan perjalanan dan kos asal bagi bayaran balik perbelanjaan selain daripada caj fotokopi, bayaran telefon, faks, pos, dan perbelanjaan perjalanan;
 - (iv) borang pengesahan tuntutan pembayaran *getting up* yang lengkap;
 - (v) Surat Pelantikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 19(c);
 - (vi) Perintah bermeterai daripada Mahkamah yang berkenaan; dan
 - (vii) bagi tuntutan kos sebenar, resit asal yang telah diperakui sah oleh Peguam Lantikan Mahkamah tersebut dan mengandungi pernyataan berikut:

“Saya mengesahkan tuntutan ini adalah betul dan benar”

- (b) tuntutan dikemukakan ke Pejabat Pendaftaran Jenayah Mahkamah yang melantik—
- (i) dalam masa tiga puluh (30) hari selepas keputusan diberi; atau
 - (ii) bagi keputusan kes yang diberi dalam bulan Disember, sebelum atau selewat-lewatnya pada 10 Januari tahun berikutnya; dan
- (c) bagi OKT yang dituduh lebih daripada satu kes dan kes-kes tersebut adalah didengar secara bersama —
- (i) tuntutan bagi *getting up* hanya dibuat terhadap satu kes sahaja; dan
 - (ii) tuntutan bagi perbelanjaan *out of pocket* lain adalah dibuat secara berasingan;
- (d) menyimpan rekod berkenaan dengan tempoh masa perbicaraan di Mahkamah dan menemuduga OKT, dokumen yang disediakan termasuk hujahan serta ikatan otoriti yang telah dikemukakan kepada Mahkamah.

26. Kegagalan Peguam Lantikan Mahkamah untuk mematuhi peruntukan berhubung dengan pematuhan tempoh masa bagi maksud perenggan 25(b) boleh menyebabkan tuntutan yuran perkhidmatan ditolak.

27. Sekiranya dikehendaki oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah mengemukakan—

- (a) penjelasan yang spesifik; atau
- (b) dokumen sokongan yang diminta,

berhubung dengan tuntutan yuran perkhidmatannya kepada Mahkamah yang melantiknya.

G. BAYARAN KEPADA SAKSI YANG DIPANGGIL OLEH PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

28. Pada peringkat kes pembelaan, sekiranya Peguam Lantikan Mahkamah memanggil saksi, maka bayaran perbelanjaan kepada saksi tersebut boleh dikemukakan dengan syarat resit atau dokumen sokongan disertakan dan tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

H. PEMBATALAN

29. Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 1 Tahun 2022 adalah dibatalkan.

30. Kadar bayaran untuk Peguam Lantikan Mahkamah yang telah dilantik sebelum berkuatkuasanya Pekeliling ini, adalah mengikut Arahan Amalan pada masa lantikan Peguam Lantikan Mahkamah dibuat.

I. TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA


31. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ZAMRI BIN HAJI BAKAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan
Istana Kehakiman
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA